

PM tak tahu kena saman lalu lintas

KUALA LUMPUR: Walaupun seorang Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak terlepas daripada tanggungjawab menjelaskan saman dikeluarkan polis trafik ke atas kenderaan rasmi serta dua kereta miliknya.

Beliau yang tidak mengetahui mengenai saman dikeluarkan atas namanya itu berkata, akan menjelaskan semua saman berjumlah RM3,300 itu Isnin ini selepas perkara itu dimaklumkan kepadanya oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Abdullah, yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri, hanya mengetahui mengenai jumlah saman itu selepas beberapa akhbar berbahasa Mandarin melaporkan perkara itu semalam.

Ketika soalan itu diajukan pemberita kepadanya, Perdana Menteri berkata: "Itulah ... saya dengar tadi Tan Sri Musa Hassan beritahu kepada saya. Isnin ini kita bayar semualah."

"Dulu ada saman, saya bayar juga, bukan tak ada bayar. Terima kasih kerana beritahu," katanya selepas menghadiri Hari Keluarga Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Sebelas saman berjumlah RM3,000 itu dikatakan dikeluarkan pada 29 Jun 2002 hingga 3 Ogos 2005. Difahami, kesalahan memandu laju dan menghalang lalu lintas dilakukan di sekitar bandar raya, Petaling Jaya, Ampang, Hulu Langat dan Sepang.

Dalam kenyataan Lim, beliau mendakwa Abdullah mempunyai 11 saman tertunggak dengan kompaun maksimum RM300 yang dikeluarkan ke atas kenderaan dengan nombor pendaftaran WCH13, iaitu kereta rasmi Perdana Menteri, dan dua lagi kereta milik persendiriaannya bernombor WJP 2800 dan WLP3142.